

**Selangor mula  
beli sampah  
tahun depan**

Masalah sampah di Selangor akan selesai tahun hadapan dan orang ramai tidak akan terus menyalahkan pihak berkuasa tempatan.

■ AZIMAH GHAZALI

**SELYANG BARU** - Kerajaan negeri Selangor akan memperkenalkan sistem 'beli sampah dan bayar' pada tahun hadapan berikutan masalah sampah yang dikatakan sering menjadi isu, di sini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamad Khir Toyo berkata, sampah yang dibeli dengan harga RM0.10 sekilogram ini diharap me-

ngurangkan masalah sampah yang dikatakan merunsingkan orang ramai.

"Tak apa, sebelum ini kita bagi mereka (sub kontraktor oleh Alam Flora Sdn Bhd) bayaran setiap bulan sama ada mereka melaksanakan kerja atau tidak.

"Tapi tahun hadapan, kita tidak mahu buat begitu lagi. Tetapi, mereka perlu kutip sampah dahulu, dan kita akan timbang dan bayar sebanyak mana sampah dikutip," kata Khir.

Pelaksanaan sistem ini menurutnya memang berkesan selepas dilaksanakan di Meru, Klang serta menampakkan keberkesanan.

Untuk tujuan itu juga, kata Khir beliau berjanji masalah sampah di Selangor akan selesai tahun hadapan dan orang ramai tidak akan terus menyalahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) walaupun masalah tersebut (sampah) telah diserahkan kepada pihak lain.

"Untuk itu saya katakan kepada PBT, mereka tidak perlu memikirkan perkara yang besar-besar, untuk membina stadium dan sebagainya.

"Fokus kepada perkara-perkara kecil seperti penyenggaraan kawasan dan memudahkan urusan serta memberi kebaikan kepada penduduk setempat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Mesra Rakyat dan Penyerahan Cek untuk Penduduk Kampung Bukit Botak di Kg Kok Doh petang semalam.

Lebih 1,000 penduduk kampung berkenaan serta penduduk setingan Bukit Botak hadir pada majlis tersebut. Turut hadir calon Barisan Nasional ADUN Taman Templer, Datuk Subahan Kamal dan calon Parlimen Selayang, Lee Li Yew.

Khir turut berkempen untuk calon yang bertanding dan berkata bahawa pucuk pimpinan telah meletakkan calon yang terbaik untuk bertanding pada pilihan raya kali ini walaupun banyak muka baru yang muda.

Yang penting katanya, mereka mempunyai banyak pengalaman dan mampu meneruskan agenda kerajaan membantu rakyat, sekali gus memajukan negara.



MOHAMAD KHIR TOYO



Sebahagian penduduk yang hadir pada Majlis Mesra Rakyat di Selayang, semalam.